

**Latarbelakang**

Seawal penubuhan, Unit Pengajian Ijazah Tinggi dikenali sebagai Program Ijazah Tinggi dan Penyelidikan yang mula beroperasi 1 April 2003 bagi menyelia dan membangunkan program - program ijazah tinggi yang akan ditawarkan. Pada masa yang sama unit ini juga menyelaras aktiviti penyelidikan dengan menawarkan beberapa geran penyelidikan jangka pendek kepada pensyarah - pensyarah yang berminat. Namun pada tahun 2005, unit ini dibahagi kepada Unit Ijazah Tinggi dan Unit Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di mana Unit Pengajian Ijazah Tinggi hanya memfokuskan kepada penawaran dan pengambilan pelajar - pelajar ijazah tinggi.

Setelah lebih 6 tahun, Unit Pengajian Ijazah Tinggi akhirnya dinaiktaraf menjadi Pusat Pengajian Siswazah (PPS) pada 1 Januari 2010 dengan memainkan peranan lebih besar dalam meningkatkan jumlah pelajar siswazah dan menjamin kualiti pengajian siswazah di UniMAP.

**Objektif Pusat Pengajian Siswazah**

- 2.1 Memantap dan menambahbaik program siswazah melalui penggubalan dasar yang proaktif dan penawaran program-program inovatif serta relevan bagi pasaran semasa dan akan datang.
- 2.2 Meningkatkan ambilan pelajar siswazah hingga mencapai nisbah sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah pelajar keseluruhan melalui aktiviti/promosi yang intensif, prosedur-prosedur mesra-pelanggan dan skim bantuan yang menarik.
- 2.3 Meningkatkan bilangan pelajar luar negara sehingga mencapai nisbah sekurang - kurangnya 25% daripada jumlah pelajar ijazah tinggi.
- 2.4 Menjadikan program siswazah medan utama ke arah meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan memberi penekanan kepada program berdasarkan penyelidikan dan penjanaan ilmu.
- 2.5 Membina kecemerlangan dalam program-program siswazah terpilih dengan meningkatkan kepakaran staf akademik dan menjalin hubungan kerjasama dengan institusi dalam dan luar negara.
- 2.6 Menjadikan program siswazah UniMAP pilihan utama pelajar melalui peningkatan kualiti, penyediaan prasarana dan persekitaran yang kondusif serta pengiktirafan antarabangsa.

**Fungsi Utama Pusat Pengajian Siswazah**

Pusat Pengajian Siswazah UniMAP berperanan sebagai penyelaras bagi semua aktiviti yang berkaitan dengan pengajian siswazah iaitu ijazah Doktor Falsafah dan ijazah Sarjana. Secara terperincinya, Pusat Pengajian Siswazah bertanggungjawab :

- 3.1 Melaksanakan misi dan visi universiti yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Universiti dan Senat Universiti.
- 3.2 Berperanan sebagai sekretariat/urusetia kepada Jawatankuasa Ijazah Tinggi Universiti (JITU) yang membincangkan dan menggubal peraturan hal-hal berkaitan pengajian siswazah di UniMAP.
- 3.3 Menyelaras proses penawaran program baru yang ditawarkan oleh pusat pengajian bagi peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana.

- 3.4 Menguruskan proses pengambilan, kemasukan, pemantauan kemajuan pelajar dan tesis, peperiksaan dan pengijazahan pelajar
- 3.5 Merancang aktiviti promosi dan publisiti tentang pengajian siswazah bagi mencapai meningkat jumlah pelajar siswazah di UniMAP.
- 3.6 Menyelaras hal ehwal pelajar siswazah yang meliputi aktiviti pelajar, seminar dan persidangan dan biasiswa/bantuan kewangan kepada pelajar.

**Kakitangan PPS**

Pusat Pengajian Siswazah (PPS) UniMAP diterajui oleh Profesor Dr. Mohd Yusoff bin Mashor sebagai Dekan dengan dibantu oleh Profesor Madya Ir. Dr. Kenneth Sundaraj sebagai Timbalan Dekan. PPS mempunyai 3 orang Pegawai Tadbir dan 7 orang staf sokongan yang bertanggungjawab dalam perancangan, pengurusan dan pelaksanaan aktiviti -aktiviti yang melibatkan pentadbiran, akademik, promosi dan publisiti serta hal ehwal pelajar siswazah di UniMAP.

**Program Pengajian Siswazah****A. Program Yang Ditawarkan**

Universiti Malaysia Perlis mula menawarkan 8 program ijazah tinggi secara Penyelidikan bermula Jun 2004 dan kemudiannya menambah 5 lagi program di peringkat sarjana sains bermula sesi akademik 2006/2007. Pusat Pengajian Siswazah sedang menawarkan program satu (1) program Doktor Falsafah dan lima belas (15) program Sarjana Sains secara Penyelidikan iaitu :

- (i) *Doktor Falsafah*
- (ii) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Mikroelektronik)*
- (iii) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Komputer)*
- (iv) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Perhubungan)*
- (v) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekatronik)*
- (vi) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Pembuatan)*
- (vii) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Sistem Elektrik)*
- (viii) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Bahan)*
- (ix) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekanikal)*
- (x) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Rekabentuk Produk)*
- (xi) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Alam Sekitar)*
- (xii) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Bioproses)*
- (xiii) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan)*
- (xiv) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Nanoelektronik)*
- (xv) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Nanobioteknologi)*
- (xvi) *Sarjana Sains (Kejuruteraan Nanomaterial)*

Selain program Mod Penyelidikan, Pusat Pengajian Siswazah juga menawarkan satu (1) program secara Mod Campuran iaitu Sarjana Sains (Kejuruteraan Polimer) dan satu (1) program secara Mod Kerja Kursus iaitu Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Kejuruteraan).




**B. Statistik Pelajar Siswazah sehingga 31 Disember 2010**

Pusat Pengajian	Doktor Falsafah	Sarjana Sains
PPK Komputer & Perhubungan	27	32
PPK Mikroelektronik	13	24
PPK Bahan	19	48
PPK Sistem Elektrik	10	27
PPK Mekatronik	32	67
PPK Pembuatan	6	9
PPK Alam Sekitar	6	14
PPK Bioproses	3	10
<b>Jumlah</b>	<b>116</b>	<b>231</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>347</b>

PELAJAR	PROGRAM		JUMLAH
	Doktor Falsafah	Sarjana Sains	
Tempatan	66	201	267
Antarabangsa	50	30	80
<b>Jumlah</b>	<b>116</b>	<b>231</b>	<b>347</b>

**Bilangan Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara**



**C. Graduan Siswazah**

Sehingga tahun 2010, jumlah graduan siswazah yang dilahirkan adalah 73 orang yang terdiri dari 11 graduan Doktor Falsafah dan 62 graduan sarjana dan jumlah ini dijangka meningkat dengan pertambahan program siswazah di UniMAP.

